

TERMA DAN SYARAT BAGI “MUAMALAT SALARY SCHEME (MuSS)”

Terma dan syarat berikut adalah termaktub bagi Bank Muamalat Malaysia Berhad 196501000376 (6175-W) (“BMMB”), untuk Program “Muamalat Salary Scheme (MuSS)”.

1. Kelayakan & Kriteria

Program ini terbuka untuk pelanggan Individu dan Bukan Individu, butiran adalah seperti berikut:

1.1 Kelayakan Majikan

1.1.1 Pelanggan Bukan Individu baharu dan sedia ada, yang memenuhi ciri-ciri BMMB adalah layak untuk menyertai program ini:

- a) Membuka Akaun Semasa-i (Tawarruq) “MuSS”;
- b) Melanggan “BMMB Corporate Internet Banking (CIB)” atau “BMMB Retail Internet Banking (RIB)”.

1.2 Kelayakan Pekerja

1.2.1 Pelanggan Individu baharu dan sedia ada yang ingin membuka akaun gaji atau kakitangan individu yang bekerja di bawah majikan yang telah berdaftar dengan “MuSS” dan juga mempunyai ciri-ciri berikut:

- a) Membuka Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “MuSS”, Akaun Semasa-i (Tawarruq) “MuSS” dan Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah (SURIA) “MuSS”.

2. Cara-cara Untuk Mendaftar

2.1 Majikan Sedia Ada

- a) Majikan harus menerima Surat Tawaran Skim;
- b) Majikan harus mengisi “Service Request Form (SRF)” untuk pertukaran produk daripada Akaun Bukan Skim kepada Akaun Skim;
- c) Melanggan “BMMB Corporate Internet Banking (CIB)”;
- d) Sebagai alternatif, Majikan boleh memilih untuk membuka Akaun Semasa-i (Tawarruq) “MuSS” yang baharu.

2.2 Majikan Baharu:

- a) Majikan hendaklah menerima Surat Tawaran Skim;
- b) Majikan hendaklah membuka Akaun Semasa-i (Tawarruq) “MuSS” yang baharu dan;
- c) Melanggan “BMMB Corporate Internet Banking (CIB)” atau “BMMB Retail Internet Banking (RIB)”.

2.2.1. Setelah mendaftar, majikan hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

Platform	CIB: iBiz	RIB: i-Muamalat (Untuk Pemilik Tunggal)
Langgan	Menghantar borang CIB untuk pemprosesan	Mendaftar RIB
Aktif	Log masuk ke CIB	Log masuk ke RIB
Transaksi	Lakukan sebarang transaksi seperti pembayaran bil, IBG, transaksi gaji	Lakukan sebarang transaksi seperti pembayaran bil, IBG, transaksi gaji

2.3 Pekerja Sedia Ada:

- a) Pekerja hendaklah mengisi "Service Request Form (SRF)" dan Borang Penilaian Kesesuaian Pemegang Akaun Pelaburan (PAP) bagi penukaran produk dari Akaun Bukan Skim kepada Akaun Skim;
- b) Sebagai alternatif, Pekerja juga boleh memilih untuk membuka sama ada Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "MuSS", Akaun Semasa-i (Tawarruq) "MuSS" atau Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah (SURIA).

2.4 Pekerja Baharu:

- a) Pekerja harus membuka sama ada Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "MuSS", Akaun Semasa-i (Tawarruq) "MuSS" atau Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah (SURIA).

3. Ciri-Ciri dan Faedah Program

3.1 Di bawah adalah ciri-ciri dan faedah bagi MuSS untuk **Majikan:**

Ciri-Ciri	Majikan
Produk	Akaun Semasa-i (Tawarruq)
Deposit Min.	RM1,000
Faedah	<ol style="list-style-type: none"> i) Caj IBG percuma ii) Percuma 2 CIB Token untuk dua (2) tahun pertama iii) Percuma yuran langganan CIB untuk tahun pertama <i>*Full mode sahaja</i> iv) Kadar keuntungan pada 0.20% lebih tinggi daripada Kadar Lazim bagi Akaun Semasa-i (Tawarruq) "MuSS" Bukan Individu v) Kadar keuntungan pada 0.10% lebih tinggi bagi Akaun Berjangka Tetap-i bagi tempoh minimum 3 bulan

3.2 Di bawah adalah ciri-ciri dan faedah bagi MuSS unuk **Pekerja:**

Ciri-Ciri	Pekerja						
Produk	<ol style="list-style-type: none"> i) Akaun Simpanan-i (Tawarruq) ii) Akaun Semasa-i (Tawarruq) iii) Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah (SURIA) 						
Deposit/ Pelaburan Min.	<ol style="list-style-type: none"> i) RM10 (dengan Surat Tawaran Syarikat) ii) RM100 (tanpa Surat Tawaran Syarikat) iii) RM0 pelaburan awal (terhad kepada SURIA sahaja & berdasarkan atas permintaan oleh pihak Majikan dan kelulusan daripada pihak Bank) 						
Faedah	<ol style="list-style-type: none"> i) Pengecualian Yuran Tahunan Kad Debit RM 12 bagi tahun pertama ii) Caj pengeluaran MEPS percuma - sehingga 4 kali sebulan <table border="1" data-bbox="531 1697 1294 1850"> <thead> <tr> <th>Baki Minimum</th> <th>Jumlah Bilangan Percuma MEPS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM999.99 & ke bawah</td> <td>2 Kali</td> </tr> <tr> <td>RM1,000.00 & ke atas</td> <td>4 Kali</td> </tr> </tbody> </table> iii) Mata penyertaan tambahan untuk Cabutan Kempen SURIA. Setiap RM10 = 5 penyertaan 	Baki Minimum	Jumlah Bilangan Percuma MEPS	RM999.99 & ke bawah	2 Kali	RM1,000.00 & ke atas	4 Kali
Baki Minimum	Jumlah Bilangan Percuma MEPS						
RM999.99 & ke bawah	2 Kali						
RM1,000.00 & ke atas	4 Kali						

4. UMUM

Deklarasi dan Kebenaran

- 4.1 BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Skim ini dengan atau tanpa notis awal. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Skim ini oleh BMMB, pemegang akaun tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada BMMB untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
- 4.2 BMMB tidak menjamin bahawa Skim ini tidak akan tergendala dan/ atau bebas kesilapan. Dengan menyertai Skim ini, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa pihak Bank tidak dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian, tuntutan, pampasan dan kerosakan yang terhasil daripada gangguan dan/ atau sebarang kesilapan sepanjang tempoh Skim kecuali jika kerugian, tuntutan, pampasan dan ganti rugi disebabkan oleh kecuaiian dan salah laku yang disengajakan BMMB;
- 4.3 Pelanggan yang telah mengambil bahagian dalam Skim ini dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan dan telah bersetuju dengan sebarang perubahan atau variasi kepada Terma dan Syarat. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Skim ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (seperti yang diubah atau ditukar). Pelanggan seterusnya memberi kuasa kepada BMMB untuk mendedahkan maklumat mengenai butiran mereka kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menganjurkan dan mempromosikan Skim ini;
- 4.4 BMMB mempunyai hak eksklusif untuk menerbitkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti sahaja. Harta dalam borang Skim (jika ada), nama dan gambar pemenang hendaklah menjadi milik BMMB;
- 4.5 Dengan menyertai Skim ini, Pelanggan/Kakitangan Layak bersetuju untuk mengakses laman web BMMB di <https://www.muamalat.com.my> secara tetap untuk melihat terma dan syarat dan memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini dengan sebarang perubahan atau variasi dibuat pada terma dan syarat;
- 4.6 Pemenang akan bertanggungjawab secara peribadi untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada dan kos pemasangan, jika berkenaan berkaitan dengan hadiah dan Skim;
- 4.7 BMMB tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang berharga atau apa-apa kehilangan atau kerosakan walaupun, bagaimanapun dialami atau terjadi ke atas pemegang akaun yang terjadi atau disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, daripada penyertaan mereka dalam Skim atau daripada hadiah atau hadiah yang dimenangi oleh mereka melalui Skim atau akibat daripada sebarang tindakan penukaran di pihak BMMB. BMMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan untuk melaksanakan apa-apa kewajipan berkenaan dengan Skim disebabkan oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, teknikal atau kegagalan sistem dan/atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BMMB;
- 4.8 Simpan dan kecuali Terma dan Syarat Skim khusus yang dinyatakan di sini, semua terma dan syarat lain yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat yang merangkumi Akaun Simpanan Semasa di bawah konsep Tawarruq dan Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah (SURIA) yang boleh didapati di laman web BMMB di <https://www.muamalat.com.my>, akan terus termaktub;

- 4.9 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Tawaran Kepada Majikan, Kempen Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah (SURIA) serta Terma dan Syarat produk di laman web BMMB di <https://www.muamalat.com.my>;
- 4.10 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana risalah, bahan pemasaran dan promosi yang berkaitan dengan Skim atau promosinya, terma dan syarat Bahasa Inggeris akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut;
- 4.11 BMMB mempunyai hak sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah, menambah, menukar, meminda, mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari melalui siaran di laman web BMMB di www.muamalat.com.my atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BMMB. Pelanggan yang telah mengambil bahagian dalam Skim ini dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan dan bersetuju dengan apa-apa perubahan atau variasi kepada terma dan syarat. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan berterusan dalam Skim ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap terma dan syarat (termasuk yang berubah atau diubah);
- 4.12 Bank TIDAK akan dipertanggungjawabkan dan TIDAK akan bertanggungjawab atas: -
- i) telefon, elektronik, program perkakasan atau perisian, rangkaian, internet, "server" atau kerosakan komputer, kegagalan, gangguan, salah faham atau sebarang kesulitan, sama ada secara kemanusiaan, mekanikal atau elektrik, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengambilan maklumat kemasukan secara talian yang tidak betul atau tidak tepat;
 - ii) kelewatan e-mel, kehilangan, salah arah, tidak lengkap, e-mel yang tidak boleh dibaca atau difahami;
 - iii) kegagalan transmisi komputer, tidak lengkap, kehilangan, mengelirukan, campur aduk, terganggu, tidak didapati atau kelewatan;
 - iv) sebarang keadaan yang disebabkan oleh kejadian-kejadian di luar kawalan Bank yang mungkin menyebabkan Skim tergendala atau terganggu;
 - v) sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan dalam sebarang bentuk disebabkan oleh atau bersangkutan dengan penyertaan di dalam Skim;
 - vi) sebarang percetakan atau kesilapan ejaan di dalam sebarang bahan yang bersangkutan dengan Kempen; *dan*
 - vii) sebarang tuntutan oleh pihak ketiga ke atas pelanggaran hak harta intelek.
- 4.13 Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia dan ketetapan, undang-undang dan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Penasihat Syariah BNM dan badan dan pihak berkuasa lain yang berkaitan, berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 4.14 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).
- 4.15 Semua pihak perlu memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaannya). Bank berhak untuk melaporkan tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan termasuk menghentikan transaksi ini.
- 4.16 Terma-terma dan Syarat-syarat adalah termasuk budi bicara dan / atau hak dan / atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.